



Anwar pada sidang media pengumuman Kabinet Kerajaan di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya, malam kelmarin. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Pendekatan pulih keyakinan ekonomi

BH - 4/12/2022 m/s: 3

Anwar perjelas tindakan pegang portfolio Menteri Kewangan

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menjelaskan beliau sebenarnya 'tidak cenderung' untuk memegang jawatan Menteri Kewangan.

Bagaimanapun, tegasnya, satu pendekatan perlu dilakukan untuk memulihkan keyakinan terhadap ekonomi, peniaga dan pe-labur asing.

"Saya fikir pada peringkat permulaan ini biar saya teruskan," katanya dan menambah akan dibantu oleh pasukan mantap merangkumi Ketua Setiausaha Per-bendaharaan, penjawat awam serta penasihat yang tidak membebankan kewangan kerajaan.

Terima bantuan penasihat

Beliau berkata, urusan kerajaan di Kementerian Kewangan yang diterajunya akan dibantu oleh beberapa penasihat yang tidak akan mengambil upah dan diketuai oleh Penasihat Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Anwar berkata demikian bagi menjelaskan tindakan memegang portfolio Menteri Kewa-

ngan, dalam sidang media seju-rus mengumumkan barisan Ka-binet Kerajaan Perpaduan di sini, malam kelmarin.

Pada 25 November lalu, Anwar dilaporkan berkata tidak akan mempertimbang untuk memegang portfolio Menteri Kewangan bagi barisan Kabinetnya, namun akan melihat segala kemungkinan sebelum membuat keputusan akhir mengenainya.

Ditanya penjaminan yang dapat dilakukan melalui saiz Kabinet kecil, Perdana Menteri berkata, ia boleh dilakukan jika pembaziran dapat dielak manakala perbelanjaan sia-sia dikurangkan dan ia akan dimulakan Pejabat Perdana Menteri. BERNAMA